

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATO' SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[BUKIT MERTAJAM ]**  
**TARIKH : 12 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes kesihatan mental mengikut jenis (contoh depression, anxiety dan lain-lain) dari 2008-2014 ikut negeri, gender, kumpulan umur dan kaum. Sila nyatakan langkah menangani oleh kerajaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2011 mendapati bahawa prevalen gangguan / penyakit mental iaitu kemurungan di kalangan masyarakat dewasa adalah 1.8% (anggaran sebanyak 339,028 penduduk) manakala, prevalen gangguan keresahan adalah 1.7% (anggaran sebanyak 328,835 penduduk).

Selain itu, data yang dikumpulkan oleh KKM menunjukkan bahawa daripada tahun 2007 sehingga tahun 2011, sejumlah 130,665 kes

gangguan mental dan tingkah laku telah menerima rawatan daripada institusi mental dan hospital-hospital KKM yang memberikan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental. Daripada jumlah ini, 85,114 kes merupakan golongan lelaki manakala 45,551 adalah golongan wanita. Jumlah ini termasuk juga kes ulangan. Sepanjang lima (5) tahun yang lalu iaitu dari 2007-2011, kes gangguan mental yang menerima rawatan di hospital ini tidak menunjukkan tren peningkatan.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut untuk menangani permasalahan mental iaitu:

- (i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental secara berkala seperti pameran, ceramah, dialog dan forum bagi menggalakkan kesihatan mental yang positif melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang memfokuskan kepada memupuk minda sihat dengan Menangani Stres. Aktiviti promosi juga memfokuskan aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri;
- (ii) Membentuk dan mengedarkan kepada masyarakat bahan-bahan pendidikan kesihatan tentang stres, pencegahan penyakit mental, masalah mental seperti kemurungan keresahan serta pencegahan bunuh diri. Melalui laman web [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang kesihatan mental dan penyakit mental;

- (ii) Perkhidmatan kesihatan mental secara integrasi dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan, di mana saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan serta memberi intervensi awal bagi mereka yang berisiko. Perkhidmatan rawatan susulan juga diberi bagi menggalakkan pesakit mental stabil menerima rawatan susulan di peringkat komuniti serta pemulihan psikososial dalam masyarakat;
- (iii) Bagi merawat pesakit mental, Kementerian menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital kerajaan;
- (iv) Pelan Tindakan Strategik Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan 2012-2016 dibangunkan yang menggariskan lapan (8) strategi untuk menangani masalah kesihatan mental yang boleh membawa kepada tindakan bunuh diri di kalangan masyarakat; dan
- (v) Kementerian Kesihatan juga telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan Program Minda Sihat Menangani Stres di kalangan murid-murid sekolah menengah.

**SOALAN ( 65 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini pembinaan rumah mampu milik yang dibina di negeri Sabah termasuklah di Parlimen Libaran.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 37 projek (24,491 unit) PPR di negeri Sabah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, 17 projek (14,256 unit) telah siap, 10 projek (5,235 unit) dalam pembinaan dan 10 projek (5,000 unit) dalam peringkat perancangan.

Di dalam Parlimen Libaran, terdapat sebanyak 3 projek (2,000 unit) PPR yang telah siap dibina iaitu:

- i. PPR Gum Gum (500 unit) siap dibina pada 2 Disember 2009
- ii. PPR Army Camp (500 unit) siap dibina pada 29 November 2010
- iii. PPR Sg. Manila (1,000 unit) siap dibina pada 25 Februari 2014

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 66**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pemeriksaan kenderaan mengikut kategori pemeriksaan setiap tahun sejak penubuhan PUSPAKOM dan bilakah akan tamat konsesi PUSPAKOM.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PUSPAKOM telah diberikan konsesi oleh Kerajaan sejak 1 September 1994 di mana tempoh konsesi adalah selama 15 tahun yang telahpun berakhir pada 31 Ogos 2009. Kerajaan seterusnya telah bersetuju untuk menyambung Perjanjian konsesi bagi tempoh 15 tahun berikutnya yang bermula pada 1 September 2009 dan akan berakhir pada 31 Ogos 2024.

Jumlah terkumpul pemeriksaan kenderaan mengikut jenis adalah seperti berikut:

JENIS PEMERIKSAAN	JUMLAH
Awalan	1,553,216
Berkala	18,619,704
Khas	5,344,959
Berkala Semula	5,829,782
Awalan Semula	279,968
Arahan JPJ	697,428
Tukarmilik	3,779,546
<b>Jumlah</b>	<b>36,104,603</b>